

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 MAY 2016

## Anwar kesal PKR terlibat gerakan singkirkan PM

um-17/5/2016

**KUALA LUMPUR 16 Mei** - Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dikatakan amat kesal dengan penglibatan parti itu dan beberapa pemimpinnya menyertai gerakan Tun Dr. Mahathir Mohamad serta pembangkang lain untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.



**ANWAR IBRAHIM**

AMK Pulau Pinang melalui laman Facebook sayap itu memberitahu, Anwar menyuarakan kekesalan itu melalui surat yang dibacakan dalam mesyuarat Biro Politik PKR kelmarin.

“Beliau berpesan supaya pimpinan berwaspada dengan muslihat Dr. Mahathir.

“Anwar turut memetik kata-kata Shakespeare yang bermaksud ‘ular yang dahulu menggigit kini memakai mahkota’,” kata AMK Pulau Pinang semalam.

Gerakan menjatuhkan Perdana

Menteri yang didalangi Dr. Mahathir itu turut mendapat sokongan pemimpin-pemimpin kanan PKR termasuk Timbalan Presiden, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Agung, Rafizi Ramli dan Naib Presiden, Tian Chua.

Malah, Mohamed Azmin pernah berkongsi pentas yang

sama dengan Dr. Mahathir dalam siri ceramah di beberapa lokasi di seluruh negara bagi meraih simpati rakyat terhadap gerakan tersebut.

Anwar pada mulanya menyatakan sokongan terhadap gerakan itu namun beliau kemudian menukar fikiran setelah mendapati ia gagal membuahkan hasil seperti diharapkan.

Isteri Anwar yang juga Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail tidak menghadiri majlis pelancaran gerakan berkenaan pada 4 Mac lalu.